

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB RAJA DATO' KAMARUL
BAHRIN SHAH
(KUALA TERENGGANU)**

**TARIKH : 25.5.2016
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah rasional dan justifikasi Kerajaan menyertai latihan ketenteraan “northern thunder” di utara Arab Saudi pada awal tahun 2016 baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah angkatan yang bertanggungjawab menentukan keutuhan kedaulatan negara, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan terus melengkapkan dan meningkatkan keupayaan angkatanannya. Bagi memenuhi hasrat ini, ATM perlu menggunakan semua peluang yang ada untuk menyertai latihan-latihan ketenteraan sama ada di dalam mahupun luar negara. Ke arah ini, ATM telah menerima jemputan Kerajaan Arab Saudi untuk turut terlibat dalam latihan ketenteraan ini mengambil peluang kehadiran trup bagi menjalankan misi evakuasi baki rakyat Malaysia di Yaman.

Melalui latihan tersebut, trup ATM telah dapat menimba pengalaman latihan ketenteraan dalam suasana yang amat berlainan dengan di Malaysia. Justeru, penyertaan ATM dalam latihan ini pastinya memberi manfaat yang besar dan pengalaman yang amat berguna kepada ATM pada masa hadapan.

Selain itu, latihan ini juga memberi peluang kepada ATM untuk lebih memahami prosedur-prosedur berkaitan bantuan kemanusiaan dan bencana (HADR) dan interoperability yang mungkin dilaksanakan kelak khususnya dalam operasi menyelamatkan dan membawa keluar warga Malaysia sekiranya berlaku konflik di rantau tersebut.

Dalam usaha ATM untuk menjadi sebuah angkatan yang kredibel di rantau ini, ATM akan sentiasa mengambil kesempatan dan peluang untuk melatih warganya dalam pelbagai situasi dan suasana serta membolehkan ATM beroperasi dalam multi-terrain. Ini adalah sejajar dan seiringan dengan visi ATM.